KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | HARIAN METRO | | | |
| TARIKH | : | 17.06.22 | MUKA SURAT | : | 20 |
| JABATAN | : | JPSM | | | |



lokal

TAMAN ALAM KUALA SELANGOR

# Ada datang ukur tanah!

Bernama

Kuala Selangor

Semakin membimbangkan! Hutan paya bakau di Kuala Selangor yang merupakan zon penampan semula jadi pesisiran pantai serta benteng tsunami, kini bukan sahaja diancam kemusnahan, tetapi turut berisiko lenyap ditelan kerakusan pembangunan di sekelilingnya.

Terbaharu, Taman Alam Kuala Selangor (KSNP) yang berkeluasan kira-kira 292 hektar dan terkenal sebagai lokasi transit burung migrasi menjadi sasaran seterusnya apabila ada pihak mengemukakan cadangan untuk meneroka dan membangunkan kawasan itu.

Cadangan membangunkan kawasan Taman Alam yang kaya dengan khazanah bakau serta flora dan fauna untuk dijadikan pusat pelancongan bertaraf antarabangsa itu mengundang kerisauan pakar serta pencinta alam dan penduduk sekitar.

Walaupun belum ada 'hitam putih' daripada kerajaan negeri Selangor mengenai cadangan itu, pembangunan itu jika direalisasikan, pasti memberi kesan jangka panjang kepada alam sekitar kerana KSNP merupakan satu-satunya 'tangki oksigen' yang masih wujud di kawasan hutan paya bakau banjar selatan daerah berkenaan.

Ini bukan kali pertama KSNP yang terletak di muara Sungai Selangor dan bersebelahan dengan Bukit Melawati itu 'diusik'. Dalam tempoh 2007 hingga 2008, kawasan itu pernah menjadi mangsa kerakusan pengusaha akuakultur yang meneroka secara haram sebahagian kawasan bakau di situ bagi mengusahakan projek kolam udang dan ikan.

Meskipun berjaya dihentikan hasil tindakan pantas Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) yang menguruskan KSNP sejak 35 tahun lalu, aktiviti guna tanah secara agresif di sepanjang kawasan hutan paya bakau yang dianggarkan melebihi 10 kilometer berdasarkan kiraan Google Earth itu, amat membimbangkan.

Justeru, ada keperluan mendesak agar ekosistem semula jadi Taman Alam Kuala Selangor ini terus dipertahan.

Semasa Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Selangor pada 2019, dimaklumkan KSNP dalam proses akhir untuk diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK) bagi tujuan hutan lipur, hutan pelajaran dan hutan penyelidikan.

Namun dengan perkembangan yang berlaku ketika ini, 1,001 persoalan timbul mengenai status terkini KSNP yang dibuka kepada orang ramai sejak 1987, sama ada sudah diwartakan sebagai HSK atau sebaliknya.

Sekiranya sudah diwartakan, bagaimana dengan ura-ura pembangunan yang akan dilaksanakan di kawasan itu?

Pengurus MNS KSNP, Maichal Isthyben turut tertanya-tanya nasib Taman Alam yang sudah dianggap sebagai 'rumah keduanya', terutama apabila ada pihak datang membuat tinjauan awal, dipercayai bagi menjayakan projek pelancongan bertaraf antarabangsa.

"Kenapa tidak ada pemberitahuan daripada kerajaan negeri Selangor kepada MNS selaku pihak yang bertanggungjawab mengurus kawasan ini selama lebih tiga dekad? Bahkan hingga ke hari ini langsung tidak ada wakil daripada kerajaan negeri turun menjelaskan mengenai cadangan itu," katanya.

Menurutnya, beliau dimaklumkan kedatangan wakil syarikat yang merancang projek pembangunan itu pada akhir bulan lalu bertujuan menjalankan kerja ukur tanah dan penandaan sempadan di kawasan berkenaan.

Katanya pihak berkenaan mendakwa sudah mendapat kelulusan bagi kebenaran memasuki dan memulakan kerja daripada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS).

Malah, katanya, wakil syarikat itu turut menunjukkan gambar surat kelulusan JPNS yang ditandatangani Pengarahnya, Datuk Ahmad Fadzil Abdul Majid, bertarikh 23 Mei 2022 kepada pengarah syarikat yang bergelar Tan Sri berkenaan.

"Kami memang terkejut apabila ada beberapa wakil pihak pemaju yang datang untuk ukur tanah dengan menunjukkan surat kebenaran terbabit yang jelas menyatakan cadangan pembangunan KSNP sebagai pusat pelancongan bertaraf antarabangsa," kata Maichal.

Menurutnya, surat kebenaran itu memeranjatkan kerana MNS sudah lama melindungi, menjaga serta mempromosikan KSNP sebagai kawasan pendidikan paya bakau, penyelidikan dan ekopelancongan, tetapi juga atas dasar peranan Taman Alam berkenaan dalam menjaga kesejahteraan manusia dan alam sekitar.

Sehubungan itu, beliau berharap JPNS serta kerajaan negeri lebih telus dan tampil memberi penerangan lanjut berkaitan cadangan terbabit kepada MNS serta penduduk sekitar termasuk menyatakan dengan jelas status sebenar hutan berkenaan.

Hingga ke hari ini status KSNP masih menjadi polemik dalam kalangan ahli MNS serta penyelidik tempatan yang membuat kajian di situ kerana dikatakan tanah kerajaan negeri itu telahpun bertukar status kepada HSK apabila isu cadangan pembangunan berkenaan mula dibicarakan.

Malah, beberapa penyelidik tempatan yang sedang membuat kajian di situ tidak mahu ditanya lanjut mengenai penyelidikan mereka di KSNP kerana bimbang kajian mereka terjejas sekiranya benar Taman Alam itu sudah berstatus HSK.

Ini kerana kemasukan ke HSK memerlukan permit daripada Pejabat Hutan Daerah.

Memasuki HSK tanpa kebenaran adalah satu kesalahan menurut Seksyen 47 (1) dan (4) Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993), dan jika sabit kesalahan, pihak berkenaan boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya.

Bagi negeri Selangor yang melakukan pindaan ke atas Seksyen 47 (4) Akta Perhutanan Negara 1984, kesalahan memasuki HSK tanpa kebenaran boleh didenda tidak melebihi RM30,000 atau dipenjarakan hingga lima tahun atau kedua-duanya.


"Ketika PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) tahun lalu, seorang pegawai program MNS dipanggil berbincang dengan pegawai JUPEM (Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia) dan JPNS mengenai usaha untuk menjadikan KSNP sebagai hutan simpanan.

"Namun hingga ke hari ini MNS langsung tidak diberitahu perkembangan usaha itu sehinggalah baru-baru ini kecoh diperkatakan KSNP sudah menjadi HSK selepas tersebar cadangan pembangunan berkenaan.

"Kami yang mengurus KSNP sepatutnya tahu status kawasan ini kerana jika berlaku kejadian tidak diingini pastinya MNS akan dipersalahkan. Lagipun bukankah pertukaran status sesebuah kawasan kepada HSK akan diumumkan secara rasmi, tetapi kenapa tidak (kedengaran) dalam soal KSNP?" soalnya. - Bernama



TAMAN Alam Kuala Selangor (KSNP) yang berkeluasan kira-kira 292 hektar terkenal sebagai lokasi transit burung migrasi.



PEMANDANGAN mengunakan dron di Taman Alam Kuala Selangor menunjukkan hutan paya bakau di Kuala Selangor yang merupakan nadi penting sebagai zon pelindung fizikal semula jadi pesisiran pantai mahupun benteng tsunami, kini diancam kemusnahan malah berisiko 'lenyap' dek kerakusan pembangunan di sekelilingnya.